



Dekan/ Pengarah/ Ketua/ Pengetua
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Jabatan/ Kolej Kediaman
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PELAKSANAAN PEROLEHAN SECARA ATAS TALIAN EP@UKM BAGI PEROLEHAN SECARA PEMBELIAN TERUS

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Merujuk kepada Pekeliling Bendahari Bil. 11/2020 berkaitan Pelaksanaan Perolehan Secara Atas Talian eP@UKM, penggunaan Sistem eP@UKM telah mula digunakan mulai bulan Oktober 2020 bagi perolehan yang bernilai di bawah RM20,000.00

Sehubungan dengan itu, mulai 15 Januari 2021, Bahagian Perolehan dan Zon Kewangan, Jabatan Bendahari akan menguatkuasakan bagi semua perolehan yang tidak melebihi RM20,000.00 ini untuk dilaksana melalui Sistem eP@UKM. Permohonan yang tidak dilaksana melalui Sistem eP@UKM tidak akan diproses dan akan dikembalikan kepada PTj melainkan telah diberi pengecualian oleh Bahagian Perolehan atau Zon Kewangan.

Sukacita sekiranya pihak Y.Bhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, dapat memanjangkan pemakluman ini kepada kakitangan di PTj. Kerjasama dan perhatian pihak Y.Bhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih dan salam hormat.

"Akauntabiliti Pegangan Kita"

Yang Benar,

MOKSHIN TUMIN

Timbalan Bendahari (Operasi)
Jabatan Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia

s.k. - Ketua-ketua Zon Kewangan, Jabatan Bendahari



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549



JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 5120/5033 E-mel: shalmah@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/bendahari